

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 31/1/2013 |

GTP bela rakyat tanpa mengira kaum

BH - 31/3/2013

» *Pentadbiran Najib berusaha tingkat taraf hidup holistik*

Oleh Meor Hisham Zulkifli
meorhisham@mediaprima.com.my

► Shah Alam

Pentadbiran Datuk Seri Najib Razak sentiasa berusaha mengangkat taraf hidup rakyat dalam setiap aspek secara terperinci dan bukannya secara rawak.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata langkah kerajaan mene-

rusi Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) bertujuan membela rakyat tanpa mengira latar belakang dan mengangkat kedudukan Malaysia ke tahap jauh lebih terkehadapan.

"Perdana Menteri membentuk Delivery Task Force (Jawatankuasa Petugas Khas Penyampaian Kerajaan) bagi memastikan pemimpin turun padang mendengar sendiri permasalahan serta merasakan denyut nadi rakyat.

"Hasil pelbagai pertemuan bersama rakyat kemudian dibentangkan ke Kabinet bagi membolehkan kerajaan menangani dan memenuhi tuntutan serta keperluan rakyat menerusi GTP," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Kerja Pos Malaysia di Pusat Mel

Nasional di sini, semalam. Lebih 2,000 warga pos menghadiri majlis berkenaan.

Insentif insurans

Pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan insentif insurans berkelompok untuk lebih 16,000 kakitangan pos membabitkan peruntukan sebanyak RM670,000 daripada Pos Malaysia. Pelan insurans berkenaan turut merangkumi ahli keluarga masing-masing.

Selain itu warga kerja Pos Malaysia turut menerima imbuhan istimewa sebanyak

RM500 yang dibayar bersama pembayaran gaji hujung bulan depan manakala 198 anak warga Pos mencatat keputusan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) turut menerima netbook 1Malaysia.

Majlis turut dihadiri Menteri Penerangan Kebudayaan dan Komunikasi, Datuk Seri Utama Rais Yatim; Timbalannya, Datuk Maglin Dennis D'Cruz; Pengerusi Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia, Datuk Mohamed Sharil Mohamed Tarmizi dan Pengerusi Pos Malaysia, Datuk Seri Mohd Kamil Jamil.

Muhyiddin berkata, selain bantuan menerusi pelbagai program seperti Kedai Rak-

yat 1Malaysia (KR1M), Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan sebagainya, rakyat mendapat bantuan lain menerusi pelbagai subsidi.

FAKTA NOMBOR

16,000

kakitangan Pos Malaysia terima pelan insurans